

TANGAN TAK BERFUNGSI TAPI BOLEH BERDIRI

HARIAN METRO (SESTEMPAT) M/s 22 30 Mac 2016

■ Bekas pemain bola sepak kebangsaan dan Pahang diserang angin ahmar

Asrol Awang
am@metro.com.my

Kadaan suami mula menuntikan perkembangan positif selepas diserang angin ahmar sejak lebih setahun lalu," kata Hamli Razana Hamzah, 46, isteri bekas pemain kebangsaan dan Pahang, Muhammad Asyraf Anbalagan Abdulah, 49.

Menurutnya, tangan kanan suaminya belum berfungsi, tetapi boleh berdiri menggunakan tongkat selepas menjalani fisioterapi di Hospital Tengku Ampuan Afzan, di sini. Katanya, rawatan fisioterapi dilakukan tiga kali sebulan selain pernah mendapatkan rawatan di Universiti Islam Antarabangsa, di sini, untuk menjalani terapi peruturan kesan daripada penyakit itu.

"Saya kini bergantung kepada bantuan bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial selain pernah mendapat bantuan perubatan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan.

"Saya menjaga suami sepenuh masa dan perlu menghidupkannya dengan perhidmatan teliti apabila menjalani rawatan memandangkan dua anak, Nadia Suhaila, 20, dan Muhammad Syamir, 14, masing-masing masih menuntut di Universiti Malaysia Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Putih, di sini.

"Saya minta jika ada pihak yang boleh membantu supaya suami kembali sembuh sepenuhnya," katanya ketika ditemui di kediamannya di Lorong Bukit Setongkol Jaya, 27, di sini, semalam.

Keluarga Muhammad Asyraf Anbalagan menerima kunjungan skuad Kuantan FA bersama pengurusan termasuk Timbalan Presiden Datuk Wan Solih Wan Hassan selain jurulatih Zulhamizan Zakaria dan barisan pemain yang turut menyempulakan sumbangan wang tunai.

Muhammad Asyraf diserang angin ahmar ketika memandu kereta pada Januari tahun lalu menyebabkan pemain kelahiran Jerantut itu lumpuh separuh badan pada peringkat awal setelah hilang pertuturan.



MUHAMMAD Asyraf Anbalagan (duduk kanan) ketika menerima kunjungan pasukan bola sepak Kuantan FA.

FAKTA
Sumbangan hasil kutipan drama kilat pemain, pegawai dan

Bellau terkenal dengan aksi golek dan antara pemain skuad emas negara terutama ketika membantu Malaysia merangkul pingat emas di Sukan SEA Kuala Lumpur 1989 selain pernah beraksi menentang kelab terkenal Liga Inggeris, Everton dalam aksi perlawanan persahabatan.

Bellau juga pernah bergandingan bersama bintang dan bekas pengendali Tok Gajah, Zainal Abidin Hassan, Dollah Salleh, Yunus Aliif, Fandi Ahmad, V Sundramorty dan penyerang Thailand, Romchai Sayomchai dan Puya Pong Peun dalam skuad Pahang (1985-1992) dan kali terakhir menyaring jersi Negeri Sembilan pada 1993 sebelum bersara setahun kemudian.

Sementara itu, Wan Solih berkata, sumbangan diberikan pengurusan Kuantan FA sebagai tanda keprihatinan mereka terhadap jasa bekas pemain kebangsaan terabit.



"Sumbangan ini hasil kutipan drama kilat daripada pemain, pegawai dan penonton ketika aksi persahabatan menentang Kelantan di Stadium Darul Makmur, di sini, baru-baru ini," katanya.



MUHAMMAD Asyraf Anbalagan